



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PERKHIDMATAN PENGENDALI E-HAILING TANPA LESEN YANG SAH AKAN DIGANTUNG, BAKAL DIKENAKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) memandang berat berhubung kegagalan syarikat pengendali e-hailing mematuhi kriteria bagi memperbaharui lesen perniagaan pengantaraan (LPP) mereka seperti yang termaktub di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (Akta 715).

Sehingga kini, syarikat berkenaan didapati gagal memaparkan eVP pemandu atau membenarkan penumpang mengenal pasti pemandu mereka menerusi aplikasi perkhidmatannya sepertimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 12A(8) Akta 715.

Ini merupakan pelanggaran serius terhadap pematuhan yang diperlukan terhadap keselamatan dan perlindungan penumpang apabila menggunakan mana-mana aplikasi e-hailing.

Oleh yang demikian, syarikat terbabit tidak dibenarkan memperbaharui LPP mereka yang telah pun luput pada 14 Julai 2022.

Sementara itu, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), yang bertanggungjawab mengeluarkan LPP kepada syarikat e-hailing, telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada syarikat tersebut pada 18 Ogos 2022.

Individu yang mengendalikan perkhidmatan e-hailing tanpa LPP yang sah boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Manakala para pemandu yang menggunakan aplikasi sedemikian dinasihatkan supaya menyemak terlebih dahulu kesahihan mana-mana pengendali e-hailing untuk mengelakkan sebarang liabiliti yang tidak diingini.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## **E-HAILING OPERATORS WITHOUT VALID LICENSES WILL BE SUSPENDED AND SUBJECT TO LEGAL ACTION**

It has come to the Ministry's attention that a company operating e-hailing services has failed to comply with criteria in order to renew their e-hailing license (LPP) as stipulated under the Land Public Transport Act (Act 715).

Under Section 12A(8) of Act 715, the company has to date failed to ensure that its e-hailing application (app) can display the eVP of drivers or allow passengers to identify the drivers as ordered on their smartphone apps.

This in essence is a gross violation of necessary compliance to safety and security when using any e-hailing app.

Due to this, the company involved has failed to renew its LPP which lapsed on 14 July 2022.

The Land Public Transport Agency (APAD), which issues the LPP to e-hailing companies, had issued a show-cause letter to the company on 18 August 2022.

An individual that operates an e-hailing service without a valid LPP is liable to a fine of not more than five hundred thousand Ringgit or jail of not more than three years or both if convicted.

Drivers associated with such apps are advised to check the validity of any e-hailing operators with which they are engaged to avoid any unwanted liability.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**30 Ogos 2022**

**-TAMAT-**

---

### **Pertanyaan Media**

Hotline 1800-88-7723  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [aduan@mof.gov.my](mailto:aduan@mof.gov.my)

